

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Kerajaan telah menyatakan pendirian untuk mengekalkan Akta Hasutan 1948 dengan beberapa penambahbaikan. Pendirian tersebut telah diterjemahkan melalui pembentangan Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 yang telah dibentang dan diluluskan oleh Parlimen pada sesi mesyuarat yang lepas.

Melalui pindaan tersebut perbuatan mengkritik Kerajaan tidak lagi menjadi kesalahan di bawah Akta Hasutan 1948. Di sini rakyat daripada segenap lapisan masyarakat termasuklah ahli-ahli akademik boleh mengkritik kerajaan tetapi kritikan itu hendaklah kritikan yang membina. Pindaan ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan suatu pentadbiran yang lebih telus dan “*accountable*” kepada rakyat Malaysia demi manfaat negara dan rakyat. Walau bagaimanapun, bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Kapar, sebarang proses pendakwaan atau siasatan yang berlaku sebelum Rang Undang-undang Hasutan (Pindaan) 2015 diwartakan penguatkuasaannya, maka peruntukan-peruntukan didalamnya bagi sesuatu kesalahan masih lagi berkuatkuasa sebagaimana sebelum pindaan terhadap Akta tersebut dibuat.